

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA  
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG  
SARAAN HAKIM, 1971, DI DEWAN RAKYAT  
PADA 29<sup>HB</sup> JULAI, 1971

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ber-nama "Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan saraan Hakim Mahkamah Persekutuan dan saraan Hakim Mahkamah Tinggi di Malaysia" dibaca kali yang kedua sekarang ini.

Tuan Yang Dipertua,

Gaji Hakim-hakim di Malaysia telah ditetapkan mengikut Judges' Remuneration Act, 1963, sebagaimana yang dipinda oleh Judges' Remuneration (Amendment) Act, 1966 dan Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 18, 1971. Gaji Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Malaysia Barat dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Malaysia Timur mengikut Akta-akta dan Ordinan yang saya sebutkan di atas adalah tidak sama dan satu daripada tujuan mengadakan Rang Undang-undang ini ialah untuk menyamakan gaji-gaji mereka itu.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum gaji pegawai-pegawai awam telahpun diubah mulai dari 1hb Januari, 1970 dan syor-syor bagi gaji baharu guru-guru juga telah diterima oleh Kerajaan. Kenaikan gaji Anggota-anggota Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen telah juga diluluskan oleh Dewan ini dalam mesyuarat yang lepas dan diberi kuatkuasanya mulai dari 1hb Januari, 1970. Baharu-baharu ini Kerajaan telah juga melantik sebuah Suruhanjaya Khas untuk mengkaji gaji-gaji dan syarat-syarat Perkhidmatan Kakitangan-kakitangan Badan-badan Berkanun/Badan-badan Berkuasa Awam. Oleh itu adalah wajar dan menasabah gaji Hakim-hakim juga ditibangkan dan diubah.

Selain daripada gaji, kesempatan ini adalah diambil juga bagi memperbetulkan kedudukan Hakim-hakim berkaitan dengan bayaran pencen. Mengikut Fasal 132 (3) (c) Perlembagaan, jawatan Hakim tidak termasuk dalam takrif Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi Hakim-hakim dibayar pencen mengikut Pensions

Ordinance, 1951 iaitu Ordinan Pencen bagi Pegawai-pegawai Awam. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan bagi menentukan gaji dan lain-lain saraan Hakim-hakim dan juga mengadakan peruntukan bagi membayar pencen dan ganjaran kepada Hakim-hakim.

Soal gaji, elaun dan lain-lain kemudahan yang akan diberi kepada Hakim-hakim adalah jelas dinyatakan di bawah Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini dan saya fikir tidak payah saya huraikan lagi. Saya cuma hendak menjelaskan sedikit di sini berkaitan dengan pencen kepada Hakim-hakim. Di bawah sekim ini, sungguhpun tempuh kelayakan bagi mendapat pencen adalah lima belas tahun sebagai Hakim tetapi oleh sebab Fasal 125 (3) Perlembagaan menentukan bahawa seorang Hakim dikehendaki berkhidmat sehingga berumur enam puluh lima tahun, maka ianya berhak mendapat pencen dan ganjaran jika ia bersara setelah meningkat enam puluh lima tahun sahaja. Walau bagaimanapun, seorang Hakim yang telah mencapai umur enam puluh tahun bersara atau dipecat dari jawatannya (bukan atas kelakuan tidak baik), beliau juga boleh dibayar pencen yang berpatutan. Tetapi seorang Hakim yang dipecat dari jawatannya sebelum mencapai umur enam puluh lima tahun atas kelakuan tidak baik tidak akan mendapat apa-apa bayaran di bawah peruntukan ini.

Kadar pencen yang tertinggi bagi seorang Hakim itu layak menerimanya ialah setengah dari gaji yang terakhir diterima olehnya. Faktor yang diguna bagi kiraan pencen di bawah sekim ini ialah  $1/360$  daripada gaji terakhirnya seseorang Hakim itu. Seperti juga dengan pegawai-pegawai awam seorang Hakim boleh memilih menerima pencen yang disusutkan atau "commuted pension" yakni satu perempat daripada pencen penuhnya didarab dengan faktor dua belas setengah dan baki tiga perempat daripada pencen penuhnya dibayar tiap-tiap bulan.

Satu peruntukan khas telah dibuat bagi Ketua Hakim Negara dan Hakim-hakim Besar bahawa pencen maksima sebanyak setengah daripada gaji akhirnya akan dibayar dengan syarat mereka telah genap berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun sebagai Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar.

Jika seorang Hakim itu meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, tanggungan-tanggungannya layak mendapat pencen

gantian tetap (commuted pension) atau pencen yang dikurangkan (reduced pension) sebanyak jumlah yang berpatutan. Tanggungan-tanggungan dan jumlah bayaran yang akan diberi terpu-  
langlah kepada budibicara Yang Dipertuan Agung. Jika pencen—  
yang dikurangkan dibayar kepada tanggungnya pencen ini akan  
terus dibayar selama dua belas setengah tahun dari tarikh Hakim  
berkenaan meninggal dunia. Jika seorang Hakim meninggal dunia  
selepas ia telah bersara, maka pencen yang akan dikurangkan se-  
banyak mana yang dibayar kepada bekas Hakim itu semasa  
hayatnya akan terus juga dibayar kepada balunya atau balu atau  
anak-anaknya bagi tempoh dua belas setengah tahun dari tarikh  
persaraannya.

Seseorang Hakim yang dilantik daripada Perkhidmatan Awam  
yakni Public Service ataupun Perkhidmatan Kehakiman dan Per-  
undangan akan dianggap telah bersara dari jawatannya pada  
tarikh perlantikannya itu dan beliau adalah layak mendapat  
pencen bagi tempoh perkhidmatannya dalam Perkhidmatan  
Awam. Akan tetapi pencen itu hanyalah dibayar apabila ia  
meningkat umur kepada lima puluh lima tahun sahaja.

Perenggan 10 di bawah Jadual Kedua Rang Undang-undang  
ini memperuntukkan kadar-kadar bayaran saguhati kepada  
tanggungan-tanggungan Hakim yang mengalami kemalangan  
kapalterbang dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Setelah Rang Undang-undang ini diisytiharkan, Kerajaan telah  
mengkaji semula dan telah bersetuju membuat tiga pindaan Rang  
Undang-undang. Satu ialah pindaan kepada Fasal 8. Dalam Fasal  
8 yang asal tidak ada disebut berkenaan dengan Hakim yang ter-  
paksa berhenti oleh sebab keuzuran tubuh atau otak atau dalam  
Bahasa Inggerisnya—Medically boarded out. Jadi, difikirkan  
jikalau seorang Hakim itu terpaksa berhenti oleh sebab keuzuran  
tubuh atau otaknya sangatlah menasabah yang Hakim itu diberi  
pencen menurut kadarnya dalam Bahasa Inggerisnya—Earned  
Pension. Jadi, dengan sebab itu Fasal 8 ini dipinda seperti yang  
telah diterangkan dalam Kertas Pindaan yang telahpun di-  
kelilingkan.

Fasal 12 (2), adalah dimansuhkan. Tujuan ini ialah supaya  
Hakim-hakim yang dahulunya berkhidmat dalam Perkhidmatan  
Awam ataupun Perkhidmatan Undang-undang Kehakiman akan

mendapat pencen seperti yang saya terangkan tadi, bila mereka itu berhenti daripada jawatan itu, tetapi pencen adalah dibayar bila mereka meningkat umur 55 tahun. Dalam pindaan ini pindaan pencen itu boleh diterima dan tidak dikurangkan atau abated menurut cadangan yang asal.

Fasal 16 dipinda iaitu ditentukan bahawa Hakim-hakim mestilah memutuskan yang mereka itu menerima gaji baharu ini dalam tempoh tiga bulan. Jadi, dalam Rang Undang-undang yang asal tidak ada ketentuan yang semacam ini. Jadi, difikirkan mustahak diadakan ketentuan iaitu tiga bulan seperti yang telah diberi kepada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan.